

mencampuri urusan dalam perkara berkenaan. Oleh itu, persoalan mengenai mekanisme pelaksanaan agihan zakat di negeri-negeri perlu dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

Berkaitan cadangan Ahli Yang Berhormat bagi penubuhan Skwad Mesra Pengagih Zakat dalam memudahkan mekanisme pengagihan bantuan Baitulmal adalah satu saranan yang baik dan boleh dipanjangkan ke negeri-negeri untuk dilaksanakan. Dalam konteks ini, mengambil contoh aktiviti agihan zakat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang diletakkan di bawah kerajaan Persekutuan, MAIWP telah menubuhkan Skwad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP pada 16 Februari 2012. Skwad ini bertujuan menjejaki asnaf yang masih tercicir dari mendapat bantuan dari dana zakat.

Menerusi program ini, Skwad yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Baitulmal MAIWP akan mengenalpasti asnaf melalui maklumat awam serta kerjasama berterusan dengan wakil-wakil pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), persatuan penduduk, agensi-agensi Kerajaan dan masyarakat awam. Fokus utama program ini ialah masyarakat yang tinggal di kawasan-kawasan perumahan awam, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan kampung tradisi yang dikenalpasti sebagai kawasan yang mempunyai penduduk berpendapatan di bawah garis kemiskinan.

Gerak kerja Skwad adalah dengan turun menziarahi asnaf yang dikenalpasti, membantu dalam pengisian borang permohonan serta dalam melengkapkan dokumentasi yang diperlukan bagi memudahkan permohonan diproses. Laporan siasatan akan terus dibuat dan perakuan akan disegerakan untuk kelulusan di bawah skim bantuan yang bersesuaian. Skwad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP ini dipecahkan 8 kumpulan mengikut kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan iaitu Bandar Tun Razak, Cheras, Bukit Bintang dan

Titiwangsa, Kepong dan Segambut, Batu, Wangsa Maju Setiawangsa serta Lembah Pantai dan Seputeh. Sejak ditubuhkan, Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP telah berjaya menjejaki seramai **1,631** ketua keluarga. Disamping itu, bagi memudahkan masyarakat dan pelbagai pihak dalam menyalurkan maklumat, MAIWP telah mewujudkan talian bebas 1-800-88-5222 dan hotline 012-518 3614/ 012-512 7614.

Sekian, terima kasih.